



Kumpulan Dondang Sayang membuat persembahan di Muzium Samudera.

DONDANG SAYANG MELAKA IRAMA WARISAN DUNIA

Dondang Sayang merupakan lagu tradisi masyarakat negeri Melaka yang dipercayai telah didendangkan sejak lebih 500 tahun dahulu iaitu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Menurut beberapa pandangan, irama ini telah muncul pada zaman Sultan Mansur Syah bagi menghiburkan para pedagang yang datang singgah di Melaka.

Walaupun irama Dondang Sayang amat dekat dengan negeri Melaka, tetapi ada juga dapatan yang menyatakan bahawa irama ini turut berasal dari Pulau Penyengat, Riau dengan merujuk kepada *Tuhfat Al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Dalam teks tersebut, irama tersebut dirujuk sebagai sejenis nyanyian berpantun yang diiringi alatan muzik, seperti rebana dan kecapi. Penulis sendiri pernah berkunjung ke Balai Adat di Pulau Penyengat dan mendapati irama Dondang Sayang turut dimainkan di sana.

Secara amnya, Dondang Sayang terbahagi kepada empat jenis, iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Tanjung Penyengat, Dondang Sayang Pulau Pinang dan Dondang Sayang Baba Peranakan. Dari aspek bahasa, perkataan dondang atau dendang bermaksud bernyanyi untuk bersuka-suka atau menghiburkan hati, manakala sayang membawa maksud kasih. Berdasarkan dua pengertian perkataan ini, Dondang Sayang membawa maksud sebagai lagu kasih atau nyanyian kasih dengan diikuti gerak laku tarian yang lembut dan penuh mesra.

Secara tradisinya, alatan muzik yang digunakan untuk menghasilkan irama Dondang Sayang ialah biola, rebana dan tetawak atau gong kecil. Pada zaman moden ini, terdapat alat muzik yang ditambah seperti gitar, tamborin, marakas dan akordion. Dondang Sayang tradisional mempunyai lima orang anggota yang terdiri daripada seorang penyanyi dan empat orang pemuzik, iaitu seorang pemukul gong, dua orang pemain rebana dan seorang pemain biola yang juga berperanan sebagai penyanyi.

Pantun merupakan nadi utama dalam Dondang Sayang. Bait-bait pantun yang dinyanyikan merupakan pelengkap kepada irama ini. Pada kebiasaannya



Barisan pemuzik Dondang Sayang gandingan orang lama dan baharu.

pantun dinyanyikan dalam keadaan spontan, bersahaja dan juga mencuit hati, serta menyeronokkan baik bagi penyanyi mahupun pendengar. Jenis pantun yang dinyanyikan pula tidak terhad kepada satu tema sahaja. Tema pantun terdiri daripada pantun kasih, pantun budi, pantun kias ibarat dan juga pantun jenaka.

Para penyanyi juga terdiri daripada mereka yang mahir berpantun. Nyanyian Dondang Sayang adalah seperti satu pertandingan berbalas pantun, iaitu terdapat seorang yang menjual pantun dan seorang lagi pembeli pantun. Penyanyi yang tidak dapat membalas pantun dianggap gagal. Namun begitu, amat jarang sekali melihat seseorang penyanyi gagal untuk menjual dan membeli pantun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mereka sememangnya amat mahir dan berkebolehan dalam berpantun walaupun dalam keadaan spontan.

Antara contoh pantun yang terdapat dalam Dondang Sayang:

*Bunga gaharu di tepi padang,
Gugur ditimpa si pohon nangka;
Jikalau tidak tahu Dondang Sayang,
Jangan mengaku orang Melaka.*

*Putik pauh dibawa belayar,
Anak sembilang berenang di kali;
Hamba budak baru belajar,
Mengenal ilmu warisan tradisi.*

Terdapat ramai tokoh Dondang Sayang yang pernah muncul di negeri Melaka. Antaranya termasuklah Abas Katan, Nyonya Tan Abdullah, Itam Ahmad, Nyah Keling, Zaiton Haji Hamzah dan Bachik Bakar. Tidak lupa juga Datuk Mohd Baharim Sharip yang juga merupakan Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan.



Bengkel Dondang Sayang yang diadakan di Muzium Hang Tuah.

Dari aspek bahasa, perkataan dondang atau dendang bermaksud bernyanyi untuk bersuka-suka atau menghiburkan hati, manakala sayang membawa maksud kasih. Berdasarkan dua pengertian perkataan ini, Dondang Sayang membawa maksud sebagai lagu kasih atau nyanyian kasih dengan diikuti gerak laku tarian yang lembut dan penuh mesra.



Di negeri Melaka, irama Dondang Sayang amat unik kerana bukan sahaja dinyanyikan oleh masyarakat Melayu, malahan menjadi kesukaan masyarakat Baba Nyonya, Chetti dan Portugis, yang masing-masing sangat fasih berbahasa Melayu dan berpantun dengan baik.

Yang lebih menarik lagi, secara lazimnya persembahan Dondang Sayang akan diiringi joget lambak oleh masyarakat majmuk di Melaka. Persembahan ini diadakan pada majlis-majlis tertentu, seperti majlis perkahwinan untuk meraikan pasangan pengantin dan juga sanak saudara yang telah sehari penat bergotong-royong menayakan majlis.



Pelancong dari dalam dan luar negara berjoget lambak dengan iringan irama Dondang Sayang.

Kini, Dondang Sayang telah mulai kembali menjadi bualan dan mendapat tempat di mata dunia apabila telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara. Pengiktirafan ini diterima pada 29 November 2018 yang lalu semasa persidangan UNESCO di Mauritius di bawah Konvensyen Lindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003 (*Convention for the Safeguarding Intangible Cultural Heritage 2003*).

Lantaran itu, irama Dondang Sayang terus dimartabatkan. Irama ini dimainkan dalam majlis-majlis rasmi kerajaan mahupun swasta bertujuan untuk menghiburkan khalayak, di samping untuk mempopularkan semula warisan ini. Badan-badan kebudayaan, seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka (JKKN), Institut Warisan Melaka (INSWA) dan Briged Seni Melaka, kerap mengadakan persembahan Dondang Sayang di lokasi tumpuan pelancong



Delegasi Malaysia menerima pengiktirafan daripada UNESCO di Port Louis, Mauritius.





sekitar Banda Hilir, seperti di ruang *Rileks and Chill* di Menara Taming Sari, Dataran Sungai Melaka, Dataran Bangunan Merah dan sebagainya.

Selain daripada badan kebudayaan dari jabatan dan agensi kerajaan, terdapat banyak lagi kumpulan muzik Dondang Sayang di negeri Melak yang masih

aktif mengadakan persembahan. Kumpulan tersebut antaranya termasuklah Kesenian Baruh Alai, Persatuan Dondang Sayang Melaka, Sri Klebang, Kenangan Awan Biru, Hiasan Biru, Dondang Irama, Sinar Harapan, Seri Melaka dan juga Adam Tradisional Music.

Terdapat juga aktiviti nyanyian Dondang Sayang yang diadakan di muzium, antaranya termasuklah di Muzium Istana Kesultanan Melaka, Muzium Hang Tuah, Muzium Kapal Selam, Muzium Rakyat dan Muzium Samudera. Hal ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pelawat menghayati irama dan seni kata Dondang Sayang sebagai penyedap halwa telinga, selain memperoleh maklumat di sesebuah muzium yang dikunjungi.

Sebagai usaha untuk memartabatkan irama ini, pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mewajibkan pengusaha beca agar mempunyai koleksi lagu Dondang Sayang untuk dimainkan di beca masing-masing. Hal ini dijadikan sebagai syarat untuk melanjutkan lesen pengusaha beca.

Kini, irama Dondang Sayang terus segar dan dapat didengari di setiap pelosok negeri Melaka dengan adanya gembengan usaha daripada pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan bagi memartabatkan kembali seni muzik tradisional ini. Usaha dan langkah sebegini harus diteruskan untuk memastikan irama Dondang Sayang tetap utuh dan tidak tenggelam ditelan zaman, bak kata pepatah tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. 🌊

Penyanyi Dondang Sayang dalam kalangan generasi muda.

